

14 NOV 1997

Syed Hamid-Lima

LIMA '97 TIDAK TERJEJAS KERANA TINDAKAN KONGRES AMERIKA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima '97) tidak terjejas kerana tindakan 27 anggota kongres Amerika Syarikat yang mahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf ataupun meletakkan jawatan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata, di sebaliknya sebilangan besar syarikat-syarikat Amerika akan mengambil bahagian dalam acara enam hari itu yang bermula 2 Dis depan.

"Sehingga ini, bilangan syarikat Amerika yang mengambil bahagian di Lima '97 sangat menggalakkan. Ia tidak menerima kesan apa sekali pun," kata beliau kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Le Proton Lima Sdn Bhd dan Kumpulan Syarikat TRI di sini.

Syed Hamid berkata, hubungan antara Malaysia serta rakyat Amerika dan juga dengan syarikat-syarikat Amerika masih sama.

"Kita menjemput rakyat Amerika ke sini dan kita tidak mahu bertelagah dengan sesiapa," katanya.

Sebagai manusia yang faham demokrasi, rakyat Malaysia mempunyai suara untuk menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap tindakan anggota-anggota kongres itu yang meminta Perdana Menteri memohon maaf ataupun meletakkan jawatan atas dakwaan beliau telah mengeluarkan kata-kata anti-Amerika dan anti-Yahudi.

Menteri itu juga berkata, Dr Mahathir akan diberi taklimat pada Ahad ini mengenai persediaan bagi Lima.

Majlis menandatangani perjanjian hari ini adalah bagi melantik anak syarikat Kumpulan TRI, Celcom sebagai syarikat rasmi dalam menyediakan sistem komunikasi kepada Le Proton, yang menganjurkan Lima 97'.

Sebuah lagi syarikat dalam Kumpulan Syarikat TRI, Penerbangan Malaysia (MAS) telah dilantik sebagai syarikat penerbangan rasmi dan bagi kerja-kerja lain ai atas landasan bagi pameran itu yang dijangka berlangsung dari 2 hingga 9 Dis -- BERNAMA

MAM TCL PR